

LETTERHEAD (JIKA ADA)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Mengadap Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, DK., SAAS., SSAP., SIMP. yang bersemayam di Istana Abdulaziz, Kuantan, Pahang dengan penuh kemuliaan dan kebesarannya.

Ampun Tuanku Beribu – ribu Ampun,
Sembah Patik Mohon Diampun,

Dengan iringan doa daripada patik moga-moga Kebawah Duli Paduka Mulia Tuanku, Seri Paduka Ayahanda Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang dan Paduka Bonda Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang serta Yang Amat Mulia Paduka-Paduka Kekanda dan Adinda senantiasa didalam sihat walafiat serta dilanjutkan usia. Amin.

Ampun Tuanku,

Waba'dah ehwal adalah warkah yang tulus ikhlas ini daripada patik**(Nama & Jawatan)** mengadap merafak sembah mohon ampuni limpah perkenan Kebawah Duli Paduka Mulia Tuanku bagi patik menyembah maklum kesisi pengetahuan Kebawah Duli Paduka Mulia Tuanku, akan hasrat patik mengadakan.....**(Nama Majlis)**..... Insyallah pada tanggal**(Tarikh)**.....bersamaan..... **(Tarikh Islam)**..... pada jam :..... bertempat di**(Tempat)**..... Pakaian :

Ampun Tuanku,

Selanjutnya, patik mengadap merafak sembah memohon apalah jua kiranya Kebawah Duli Paduka Mulia Tuanku sudi berangkat ke majlis termaktub di atas.

Ampun Tuanku,

Had inilah patik merafak sembah dan selanjutnya patik berdoa kehadiran Allah S.W.T moga-moga Kebawah Duli Paduka Mulia Tuanku, Seri Paduka Ayahanda Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang dan Paduka Bonda Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang serta Yang Amat Mulia Paduka-Paduka Kekanda dan Adinda senantiasa di dalam sihat walafiat lagi dianugerahi aman sentosa selama-lamanya.

Ampun Tuanku Beribu – ribu Ampun,
Sembah Patik Mohon Diampun,

Patik yang menjunjung titah perintah,

(.....**NAMA & PINGAT (JIKA ADA)**.....)

Termaktub :alamat pejabat / rumah.....

Pada :tarikh.....

No. Fail :(**sekiranya ada**).....

No. Telefon :

***** Nota**

Font : Arial MT (Saiz 13)

Spacing : 1.50

**** Nyatakan dalam surat litup nombor telefon untuk dihubungi.**

(LETTERHEAD)

Julai 2024M
Muharam 1446H

Encik Amir Syaffiq bin Hamzah

Setiausaha Sulit kepada

Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang

Pejabat KDPB Sultan Pahang

26600 Pekan

PAHANG DARUL MAKMUR

Tuan,

WARKAH MENYILA [NAMA MAJLIS] KEPADA KEBAWAH DULI PADUKA MULIA TENGGU MAHKOTA PAHANG

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman Tuan, saya [**Nama dan Jawatan**] dari [**Agensi/Jabatan/NGO**] ingin mempersilakan Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berangkat ke [**Nama Majlis**].

3. Bersama-sama ini disertakan warkah kepada Kebawah Duli Paduka Mulia Tuanku yang jelas menerangkan maksud dan tujuan tersebut. Sehubungan dengan itu, saya lampirkan cadangan atur cara program untuk perhatian pihak Tuan jua.

4. Untuk sebarang pertanyaan dan maklum balas, pihak Tuan boleh menghubungi [**Nama dan Jawatan**] di talian [**No Telefon**].

Sekian dimaklumkan. Terima kasih

Saya yang menurut perintah,

(**NAMA**)
JAWATAN